

Woodlands Waterfront sudah ada restoran

Ramai kunjungi restoran Rasa Istimewa Waterfront untuk jamu selera, lakukan pelbagai kegiatan riadah di 'Jeti KD Malaya'

oleh

AZAHAR MOHD
reporter@sph.com.sg

MENJAMU selera memang menyeronokkan, lebih-lebih lagi dipukul sepoi-sepoi sang bayu dari laut di Selat Johor.

Pemandangan yang indah pula menambah suasana santai dengan ramai kaki pancing memenuhi kiri dan kanan bahu jeti melayangkan joran atau menarik hasil tangkapan.

Justeru tidak hairanlah apabila restoran Rasa Istimewa Waterfront yang dibuka November lalu sentiasa dipenuhi pelanggan.

Pengurus restoran, Encik David Tan, berkata sambutan yang diterima begitu menggalakkan sehingga pelanggan perlu membuat tempahan, terutama pada Jumaat dan hujung minggu, sekiranya kumpulan yang ingin menjamu selera besar.

"Sambutan yang kami terima sejauh ini di luar dugaan. Bilangan pelanggan naik 100 peratus berbanding dua bulan lalu," jelasnya lagi.

Restoran Rasa Istimewa Waterfront terletak di hujung jeti di Woodlands Waterfront atau Pesisiran Woodlands.

Jeti yang telah dibaik pulih itu pernah digunakan oleh bot-bot Tentera Laut Diraja Malaysia.

Maka itu, bagi ramai kaki pancing, jeti itu juga dikenali sebagai Jeti KD Malaya.



Merangkumi kawasan seluas sembilan hektar, Woodlands Waterfront menawarkan laluan tepian pantai sepanjang 1.5 kilometer yang dihias indah.

Taman yang dibina dengan pelbagai kemudahan seperti tempat berteduh dan laluan basikal itu juga menawarkan pemandangan Selat Johor.

Tidak jauh dari situ pula terletak taman permainan yang mempunyai pelbagai kemudahan riadah sesuai bagi kanak-kanak, orang dewasa dan yang lanjut usia, termasuk tarikan utamanya, Sky Walk.

Taman itu menelan belanja \$19 juta dan

dibuka secara rasmi oleh Menteri Pembangunan Negara, Encik Khaw Boon Wan, dua tahun lalu.

Menjelaskan, Encik Tan berkata restoran itu merupakan restoran kedua dibuka.

Restoran pertama, Rasa Istimewa C2K di taman Chua Chu Kang, telah beroperasi selama lebih 10 tahun.

Beliau menyifatkan restoran di Woodlands itu sebagai unik kerana ia ibarat "restoran terapung" di tengah-tengah Selat Johor.

Menurutnya, antara makanan yang popular di sini termasuk *chili crab*, *salted egg*

crab, *cereal prawn*, *baby squid*, *golden crispy chicken*.

Selain makanan laut, orang ramai juga boleh memilih aneka makanan lain seperti sate.

"Jika cuaca baik, kami akan membuka tingkap bagi membolehkan pelanggan menikmati bayu laut yang bertiup di Selat Johor.

"Sekiranya cuaca kurang baik, kami tutup tingkap dan menghidupkan alat hawa dingin bagi memastikan keselesaan pelanggan," jelasnya lagi.

Antara pelanggan yang ditemui di resto-

TARIKAN DI PESISIRAN UTARA:

Restoran Rasa Istimewa Waterfront terletak di hujung jeti yang telah dibaik pulih dan pernah digunakan oleh bot-bot Tentera Laut Diraja Malaysia.

- Foto KHALID BABA